



UCAPAN PERASMIAN

Y.B. DATUK DR. EWON EBIN

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIAN SPACE ODYSSEY: 20 YEARS WITH

NATIONAL PLANETARIUM

PLANETARIUM NEGARA

JALAN PERDANA, KUALA LUMPUR

JUMAAT, 7 FEBRUARI 2014, 9.30 PAGI

Y.BHG. DATO' DR. ROSLI BIN MOHAMAD,
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI,

KETUA-KETUA JABATAN DAN WARGA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM SATU MALAYSIA.

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Agensi Angkasa Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan program Malaysian Space Odyssey: 20 Years With National Planetarium di Planetarium Negara, Kuala Lumpur pada hari ini.

2. Masa berlalu begitu pantas dan kini Planetarium Negara, Agensi Angkasa Malaysia yang dirasmikan pada 7 Februari 1994 telah pun mencecah 20 tahun. Saya berasa amat yakin dan percaya bahawa untuk tempoh tersebut, Planetarium Negara kini telah cukup dewasa dan berupaya untuk mengekalkan momentumnya dalam usaha untuk mencapai segala objektif yang telah digariskan semasa penubuhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Semasa peringkat awal penubuhan Planetarium Negara, kerajaan pada waktu itu, sedang merancang strategi bagi membolehkan negara mengorak langkah menceburi bidang Sains Angkasa demi melonjakkan kedudukan kita dikalangan negara-negara yang sedang membangun serta membuka era untuk menuju kepada pembentukan sebuah negara maju.
4. Sudah pasti ramuan asas bagi pembangunan sesebuah negara adalah keupayaan sumber manusianya sama ada dari segi keupayaan ilmu pengetahuan mahupun kemahiran dan juga penggarapan serta tanggapan yang benar terhadap teknologi-teknologi tinggi seperti teknologi angkasa lepas.

5. Menyadari akan keperluan tersebut, kerajaan pada waktu itu telah mengambil inisiatif untuk membina suatu kemudahan yang dapat meningkatkan kefahaman serta memberikan ilham dan inspirasi kepada rakyat Malaysia tentang bidang angkasa lepas. Maka dengan itu sebuah kompleks yang diberi nama Planetarium Negara telah ditubuhkan yang mana pada waktu itu ia diurus tadbir di bawah Jabatan Perdana Menteri. Melalui Planetarium Negara, kerajaan berharap agar rakyat Malaysia secara amnya dapat menyelami dan memahami manfaat teknologi angkasa lepas serta seterusnya memberikan sokongan kepada agenda negara untuk menceburi bidang berteknologi tinggi ini yang pada ketika itu masih dianggap sebagai suatu bidang baharu di negara ini.

6. Syukurlah, sehingga ke hari ini Planetarium Negara yang kini di bawah urus tadbir Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi masih berupaya untuk memainkan peranannya dengan berkesan serta telah menempa pelbagai kejayaan dan pembangunan sama ada secara fizikal mahupun dalam bentuk program-programnya yang diaturkan kepada para pengunjung khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Di Planetarium Negara inilah lahirnya program Mikrosatelit Negara TiungSAT dan disusuli dengan RazakSAT yang telah dibina oleh jurutera tempatan dengan kerjasama rakan teknologi dari luar negara. Negara kini sedang merangka pembinaan satelit remote sensing negara yang ketiga iaitu satelit RazakSAT-2.

8. Negara juga telah menjalankan Program Angkasawan Negara yang bertujuan untuk mempelopori Sains Angkasa melalui kajian-kajian saintifik di dalam suasana graviti sifar. Kini kita telah mempunyai angkasawan yang pertama dan kesinambungan dari program tersebut kerajaan sedang menyediakan perancangan untuk Program Angkasawan Negara yang kedua dengan mengambil kira nilai-nilai kebaikan yang akan didapati dari program tersebut dan pertimbangan kedudukan ekonomi negara semasa.

9. Negara juga kini telah mempunyai kemudahan untuk membina dan menguji satelitnya sendiri iaitu kemudahan *Assembly, Testing and Integration* (AIT) yang terletak di Pusat Angkasa Negara di Banting, Selangor serta negara juga kini memiliki kemudahan Balai cerap (Observatory) Negara untuk tujuan kajian astronomi yang terletak di Pulau Lagenda, Pulau Langkawi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Pada hari ini setelah 20 tahun pembinaannya, Planetarium Negara kini telah memiliki sistem tayangannya yang lebih canggih iaitu *Full Dome Digital Immersive System* (FDS) yang mampu memberikan imej tayangan digital di atas keseluruhan skrin berbentuk kubah di dalam teater angkasa ini yang hanya dioperasikan menggunakan sebuah komputer. Disamping kemudahan Planetarium untuk pameran dan tayangan, pelbagai program pendidikan dan jangkauan juga dilaksanakan dalam menemui masyarakat dalam membina masyarakat yang peka sains dan teknologi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Dalam era globalisasi masa kini, Planetarium Negara bakal menghadapi pelbagai cabaran dan saingan daripada fenomena dunia tanpa sempadan, Internet, yang kini amat dikuasai terutamanya oleh aplikasi media sosial yang kini telah meliputi segenap aspek kehidupan manusia pada hari ini. Sudah seharusnya Planetarium Negara perlu menyusun strategi dengan cara berinovasi untuk memastikan ia akan sentiasa kekal mendapat tempat dan sentiasa relevan terutamanya di kalangan komuniti dunia maya tersebut. Kemudahan maklumat dihujung jari sudah pasti akan memberikan saingan berbanding dengan kaedah maklumat di kompleks ini dipersembahkan.

12. Semoga Planetarium Negara, Agensi Angkasa Malaysia terus melipat gandakan usaha untuk memajukan kemudahan yang sedia ada bagi kepentingan pembangunan negara ke arah mencapai status sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Saya dengan ini melancarkan:

***Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20
Planetarium Negara.***

Sekian, terima kasih.